

## **Model Universiti Wakaf di Malaysia: University College Bestari, Terengganu**

**Wan Zahari Wan Yusoff<sup>1\*</sup>, Nur Amirah Mazlan<sup>1</sup> & Abdul Jalil Omar<sup>1</sup>**

Department of Real Estate Management, Faculty of Technology Management and Business, University Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, MALAYSIA

\*Corresponding Author

DOI: <https://doi.org/10.30880/rmtb.2021.02.01.098>

Received 1 March 2021; Accepted 30 April 2021; Available online 1 June 2021

**Abstract:** Waqf is proven to have contributed in various fields including in the field of education. The budget to manage higher education today is very burdensome for the government where almost 95% of the management budget comes from the government, only 5% comes from income generation by the university. Therefore, an alternative mechanism needs to be explored and educational endowment is seen as having the potential to address this matter. To date, the majority of universities in Malaysia have begun to implement educational endowment but it is still in its early stages and there is still much to explore. Therefore, this study attempts to explore the best models and management strategies of universities abroad through waqf method. While at the local level, this study will examine the model used by Universiti College Bestari through waqf instruments. The methodology of this study uses a qualitative approach in which an interview instrument is formulated to obtain information from the respondents. The respondents of the study consisted of the management of University College Bestari who were interviewed face to face, that is, this institution is a case study in this research. In obtaining information on waqf university models abroad, sources of information are obtained through the journals, articles, presentation papers and also websites from the universities. The information obtained was analyzed using content analysis. The results of the study found that the best educational endowment model for foreign universities is through endowment investment instruments. For Universiti College Bestari, the model used is the sales instrument of wakaf kaki, agriculture, livestock and business. The results of this study are expected to contribute to the body of knowledge in the context of a model of educational endowment that can be emulated.

**Keywords:** Education Institution, Waqf, Waqf University Model, Smart University

**Abstrak:** Wakaf terbukti telah menyumbang dalam pelbagai bidang termasuklah dalam bidang pendidikan. Bajet menguruskan pendidikan tinggi pada hari ini amat membebankan pihak kerajaan di mana hampir 95% bajet pengurusan datang daripada pihak kerajaan, hanya 5% sahaja datang daripada penajaan pendapatan

oleh pihak universiti. Oleh yang demikian, satu mekanisme alternatif perlu diteroka dan wakaf pendidikan dilihat berpotensi bagi menangani perkara ini. Sehingga kini, majoriti universiti di Malaysia telah mula melaksanakan wakaf pendidikan namun ia masih di peringkat awal dan masih banyak yang perlu diterokai. Oleh yang demikian, kajian ini cuba mengeksplorasi model terbaik dan strategi pengurusan universiti di luar negara melalui kaedah wakaf. Manakala di peringkat tempatan, kajian ini akan meneliti model yang digunakan oleh Universiti College Bestari melalui instrumen wakaf. Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif di mana instrumen panduan temu bual digubal untuk mendapatkan maklumat daripada responden. Responden kajian terdiri daripada pihak pengurusan Universiti College Bestari yang ditemu bual secara bersemuka iaitu institusi ini merupakan kajian kes dalam penyelidikan ini. Dalam mendapatkan maklumat model universiti wakaf di luar negara, sumber maklumat diperolehi melalui penulisan jurnal, artikel, kertas pembentangan dan juga laman web daripada universiti-universiti berkenaan. Maklumat yang diperolehi dianalisis menggunakan analisis kandungan. Hasil kajian mendapati, model wakaf pendidikan yang terbaik bagi universiti-universiti luar negara adalah melalui instrumen pelaburan wakaf. Bagi Universiti College Bestari, model yang digunakan ialah instrumen jualan wakaf kaki, pertanian, penternakan dan perniagaan. Hasil kajian ini diharap dapat menyumbang kepada *body of knowledge* dalam konteks model wakaf pendidikan yang boleh diteladani.

**Kata Kunci:** Institusi Pendidikan, wakaf, model universiti wakaf, Universiti Bestari

## 1. Pengenalan

### 1.1 Latar Belakang

Dalam sejarah Islam, wakaf memainkan peranan sangat penting dalam menyediakan keperluan asas termasuk pendidikan. Wakaf pendidikan merupakan sumbangan dalam bentuk sesuatu harta, barangan, aset atau tunai yang diberikan kepada sektor pendidikan atau sesebuah institusi pendidikan sama ada secara berterusan atau tidak, demi kepentingan dan manfaat awam (Syakir et al., (2017) Beberapa buah universiti terkemuka di dunia telah dibangun berasaskan wakaf. Di antaranya ialah Universiti Al-Qawariyyin di Fes Morocco, Universiti Al-Azhar, Mesir, Universiti Sabanci, Turki, Universiti Islam Indonesia, Indonesia, Universiti King Saud dan Universiti King Abdul Aziz di Arab Saudi, Universiti Harvard dan Universiti Yale di Amerika Syarikat, Universiti Cambridge, United Kingdom dan Universiti Oxford, England.

Universiti-universiti berasaskan wakaf ini menjadi model kepada Malaysia bagi membangunkan sistem wakaf pendidikan. Tujuan utama wakaf pendidikan adalah bagi membiayai perbelanjaan operasi bagi institusi-institusi pendidikan. Universiti-universiti awam (UA) ini telah mewujudkan dana wakaf pendidikan bagi mengurangkan kebergantungan perbelanjaan dana daripada kerajaan. UA yang telah mewujudkan dana pendidikan adalah UM, UPM, USIM, UKM, USM, UMT, UTHM, UTM, UiTM, UniSZA, UMP, IIUM, UNIMAS, UPNM, UNIMAP, UUM, UPSI dan UTEM. Sehingga akhir tahun 2018, jumlah terkumpul kutipan dana wakaf pendidikan UA ini telah mencecah RM25.7 juta. Terdapat tiga lagi UA yang masih belum mendapat kelulusan Majlis Agama Islam Negeri masing-masing iaitu UMS, UPSI dan UMK. Universiti College Bestari di Terengganu merupakan universiti swasta yang telah dibangun berasaskan konsep wakaf.

### 1.2 Penyataan Masalah

Dalam situasi ekonomi yang tidak menentu, kebergantungan bajet secara keterlaluan kepada kerajaan adalah sukar. Situasi semasa menunjukkan 95%, bajet universiti awam datangnya dari kerajaan. Hanya 5% sahaja dari sumber universiti termasuk yuran pelajar. Oleh itu, satu mekanisme baru perlu dicari bagi membolehkan kebergantungan bajet yang keterlaluan kepada kerajaan ini dapat

dikurangkan. Sehubungan itu, wakaf dikenal pasti sebagai satu kaedah yang boleh menjadi alternatif kepada perkara ini. Pernyataan ini selari dengan kenyataan Sari et al, (2016), kerajaan Malaysia mengalami kekangan kewangan untuk memenuhi keseluruhan biaya institusi pengajian tinggi.

Selain itu, peningkatan kos pendidikan awam menyebabkan pembiayaan pendidikan telah menghalang pelajar untuk mendapatkan pendidikan, terutama bagi mereka yang membiayai sendiri. Ini menyebabkan tidak semua pelajar mendapat kesempatan untuk mengakses pembelajaran hingga pendidikan tinggi (Mahamood & Ab Rahman, 2015). Oleh itu, pelajar cuba mendapatkan dana awam bagi menampung perbelanjaan. Justeru, ini mencetuskan keperluan untuk mencari alternatif bagi sumber pembiayaan. Wakaf pendidikan boleh dijadikan salah satu alternatif untuk menyelesaikan masalah ini.

### 1.3 Objektif Kajian

Kajian ini cuba mengeksplorasi model terbaik dan strategi pengurusan universiti di luar negara melalui kaedah wakaf. Manakala di peringkat tempatan, kajian ini akan meneliti model yang digunakan oleh Universiti College Bestari melalui instrumen wakaf.

### 1.4 Skop Kajian

Skop kajian ditumpukan kepada model wakaf dan endowmen universiti tersohor di luar negara.

Ia sebagai perbandingan kaedah pelaksanaan wakaf yang boleh dijadikan contoh dan penandaarasan Manakala di dalam negara fokus diberikan kepada University College Bestari sebagai model Universiti wakaf di Malaysia.

### 1.5 Signifikan Kajian

Hasil kajian terhadap pelaksanaan wakaf pendidikan di universiti-universiti luar negara dan dalam negara boleh memberi manfaat kepada institusi pendidikan di Malaysia yang sebahagian besar mula mencari-cari model wakaf yang boleh dijadikan panduan dalam pelaksanaan wakaf pendidikan di Malaysia.

## 2. Kajian Literatur

### 2.1 Konsep Wakaf

Wakaf dari segi bahasa bermaksud berhenti (al-sakn), menahan (al-habs) dan menegah (al-man‘). Dari segi istilah yang ditafsirkan oleh Imam Taqiyuddin, wakaf bermaksud menahan harta yang manfaatnya dapat diambil tetapi tidak mentasarrufkan, kemudian manfaat harta tadi digunakan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT (Nur Azira Latif, 2015).

Terdapat dua jenis wakaf utama iaitu wakaf dzurri dan wakaf khairi. Wakaf dzurri merupakan wakaf yang mengandungi unsur kebajikan yang dilakukan kepada kaum kerabat yang mempunyai hubungan dengan pewakaf. Wakaf Khairi pula ialah wakaf kebajikan yang boleh dimanfaatkan oleh orang ramai. Terdapat dua kategori umum iaitu wakaf khas dan wakaf am. Wakaf am adalah wakaf yang diberikan tanpa menentukan siapakah penerima manfaatnya. Manakala, wakaf khas pula bersifat khusus apabila pewakaf menentukan wakaf yang dibuat untuk tujuan tertentu atau penerima tertentu.

### 2.1 Konsep Wakaf Pendidikan

Pendidikan merupakan satu elemen yang penting bagi melahirkan modal insan yang berkualiti agar dapat memartabatkan bangsa serta agama. Menurut Syakir *et al.* (2017) wakaf pendidikan didefinisikan sebagai sesuatu harta, barangan, aset atau tunai yang diberikan kepada sektor pendidikan

atau sesebuah institusi pendidikan sama ada secara berterusan atau tidak demi kepentingan dan manfaat awam.

Perkembangan institusi wakaf di Malaysia adalah tidak semaju di negara luar. Hal ini kerana, pemahaman masyarakat berkenaan wakaf hanyalah berkisar tanah kosong yang diwakafkan bagi kegunaan masjid, surau dan tanah perkuburan sahaja. Wakaf pendidikan di Malaysia bermula dengan penubuhan institusi pendidikan di peringkat rendah yang berorientasikan agama seperti Sekolah Agama Rakyat (SAR), Sekolah Agama Negeri (SAN), madrasah dan pondok (Ab Rahman, 2009).

Namun begitu, pendidikan wakaf ini semakin mendapat perhatian untuk diaplikasikan bukan sahaja pada peringkat pendidikan rendah. Konsep wakaf pendidikan ini sudah mula digunakan oleh institusi-institusi pendidikan tinggi setakat ini, terdapat 18 universiti awam yang telah mula melaksanakan kutipan dan pembangunan wakaf (Mahamood et al., 2018).

Sebuah institusi pendidikan ditubuhkan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang dikenali sebagai Kolej Profesional Baitulmal. Kolej ini merupakan sebuah institusi yang menggunakan konsep wakaf pendidikan. Pembiayaan pembelajaran disediakan kepada keluarga berpendapatan RM5000 ke bawah. Bagi golongan asnaf, pihak institusi memberikan tajaan penuh yuran pengajian kepada program *Certified Accounting Technician* (CAT). Seterusnya, untuk program diploma, bantuan yuran pengajian sehingga 25% disediakan. Selain itu, elaun sara hidup sebanyak RM 300 sebulan, kemudahan asrama serta yuran pendaftaran turut diberikan secara percuma.

### 2.3 Universiti-Universiti di Dunia yang Mengaplikasikan Wakaf Pendidikan dan Endowmen

#### (a) *Universiti Al-Azhar, Mesir*

Universiti Al Azhar terletak di Cairo, Mesir. Universiti ini dibina oleh Kerajaan Fatimiyah pada tahun 975 Masihi dan kemudiannya dibangunkan semula oleh Kerajaan Mesir pada tahun 1960.

Jenis wakaf yang digunakan di Universiti Al Azhar ialah wakaf tunai. Hasil wakaf tersebut digunakan bagi membina gudang penyimpanan di Terusan Suez (Ramli *et al.*, 2016). Ini adalah strategi bagi mendapatkan dana secara berterusan. Tanah wakaf al-Azhar yang berkeluasan 623,000 ekar merupakan sumbangan wakaf masyarakat tempatan kepada al-Azhar (Ramli *et al.*, 2016). Pada awal penubuhan pihak pengurusan juga telah menyediakan peruntukan wakaf untuk guru yang mengajar (Ali & Muhamad, 2013). Kerajaan Fatimiyah turut mewakafkan sejumlah besar kitab rujukan di perpustakaan Al-Azhar.

Dana wakaf tersebut diperolehi daripada sumbangan hartawan, ulama, para pedagang malah raja dan penguasa untuk memajukan bidang pendidikan (Ali & Muhamad, 2013). Sejak itu al-Azhar menjadi lambang ketinggian ilmu melalui ketokohan ulama dan kaedah pendidikan tradisional yang berhasil melahirkan generasi pewaris ulama untuk menyebarkan ajaran Islam ke seluruh dunia ([www.jadaliya.com](http://www.jadaliya.com)). Menurut al-Maqrizi sehingga tahun 818 Hijrah (1415 Masihi) terdapat seramai 750,000 penuntut ilmu di al-Azhar yang terdiri daripada kalangan orang Arab dan bukan Arab (Al-Sirjaniy, 2011).

Penjajahan Perancis yang diketuai oleh Napoleon Bonaparte ke atas Mesir telah menyebabkan al-Azhar ditutup selama tiga tahun kerana rakyat bangun menentang penjajah termasuklah para pelajar sehingga aktiviti pengajaran dan pembelajaran tidak dapat dijalankan. Penjajah Perancis di Mesir turut terlibat merosakkan dan memusnahkan kitab-kitab yang diwakafkan di Perpustakaan al-Azhar dengan megebom al-Azhar daripada Jabal al-Mukattam pada tahun 1799 Masihi (Dwyer, 2008).

Pada tahun 2015, Al-Azhar mempunyai seramai 20,000 staf akademik di 62 buah fakulti dan 5 cawangan di seluruh Mesir (<http://www.aljazeera.net>). Mempunyai seramai 318,888 orang pelajar di mana 92% daripadanya adalah pelajar prasiswazah manakala bakinya adalah pelajar pascasiswazah.

Daripada jumlah itu seramai 65,425 orang adalah pelajar antarabangsa dengan pecahan 92% pelajar prasiswazah dan bakinya adalah pelajar pascasiswazah (<http://www.topuniversities.com>).

Universiti al-Azhar merupakan model wakaf pendidikan yang berjaya dengan jumlah aset yang banyak dan dimanfaatkan untuk pelbagai aktiviti pembangunan masyarakat. Termasuk menyediakan peluang pendidikan percuma daripada peringkat rendah hingga ke universiti (Baharudin, 2011, Osman, 2002). Kejayaan al-Azhar telah menjadi pencetus kepada penubuhan banyak Institusi Pendidikan Wakaf di seluruh dunia termasuk di Malaysia (Mohd & Kamarul, 2012).

*(b) Universiti Al-Qawariyyin, Morocco*

Universiti ini dibina pada tahun 859 Masihi oleh seorang wanita bernama Fatima Al-Fahri. Universiti ini merupakan universiti tertua di dunia dan masih kekal beroperasi sehingga hari ini. Fatimah Al-Fahri telah mewakafkan hartanya bagi membina institusi ini. Raja-raja juga telah memberikan sokongan yang padu dengan menyediakan subsidi seperti hadiah serta buku.

Sistem kewangan universiti ini berasaskan dua cara iaitu pertama, individu dan sukarela, yang biasanya didorong oleh faktor agama. Kedua ialah pembiayaan berasaskan negeri yang dikawal oleh khalifah atau menteri-menteri. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar yang tidak berkemampuan mendapat peluang belajar melalui biasiswa yang ditubuhkan menggunakan hasil wakaf (Souad *et al.*, 2017).

*(c) Universiti King Saud (KSU), Arab Saudi*

Terletak di Riyadh, universiti ini telah dibina oleh Putera Fadh. Tujuan utama penubuhan institusi ini ialah menghidupkan semula peradaban Islam serta meningkatkan manfaat dan melahirkan golongan muda yang bijak pandai.

KSU Endowmen telah dibangunkan bertujuan untuk mengukuhkan kewangan universiti dan menyokong program serta aktiviti yang dapat menaikkan nama KSU ke mata dunia dan dapat menjadikan KSU sebagai salah satu universiti bertaraf dunia. KSU Endowmen telah bekerjasama dengan *Interhealth* Arab Saudi dengan membuat kolaborasi dalam mengasaskan satu pelaburan yang menarik dengan menyediakan sesebuah pusat kesihatan. Penyumbang dana ini terdiri daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), ahli-ahli perniagaan dan alumni universiti (King Saud Universiti, (2012).

*(d) Universiti Islam Indonesia, Indonesia*

Universiti Islam Indonesia (UII) ditubuhkan pada 8 Julai 1945. Institusi ini menerima dana wakaf dari aktiviti perniagaan. Antara perniagaan yang dijalankan ialah hospital, hotel, stesen minyak, radio dan banyak lagi. Walaupun aktiviti utama UII ialah aktiviti pendidikan, pada tahun 2014, universiti ini telah membina sebuah institusi kewangan di Indonesia, yang dikenali sebagai Bank Syariah Unisia Insan Indonesia (UII).

Dari segi aset wakaf pada tahun 2009, UII memiliki 11.669 meter persegi tanah wakaf yang bernilai Rp 7.056 juta. Seterusnya, pihak UII telah mengambil beberapa insentif bagi meningkatkan dana universiti melalui wakaf. Pertama, pihak UII menghantar proposal secara terus kepada pewakaf. Selain itu, mereka mengiklankan di media awam, mengumpulkan dana dari organisasi korporat dan mengoptimalkan jaringan sosial alumni yang mempunyai profil dan kedudukan sosial yang baik.

*(e) Universiti King Abdul Aziz (KAU), Arab Saudi*

Universiti King Abdul Aziz terletak di Jeddah, Arab Saudi telah ditubuhkan pada tahun 1387 H. Dana endowmen tahunan institusi ini kira-kira 1 bilion dollar (Key Facts of King Abdulaziz University, (2015).

Satu organisasi wakaf moden telah ditubuhkan bagi tujuan wakaf yang dikenali sebagai KAU *Endowment*. Semua bentuk sumbangan, wakaf tunai dan sumbangan-sumbangan lain akan disalurkan pada organisasi ini. Hasil dari sumbangan ini akan dilaburkan dan diagihkan pada komuniti universiti. Dana wakaf ini digunakan untuk menyokong aktiviti-aktiviti serta program yang dianjurkan oleh pihak universiti. KAU juga telah menduduki tempat pertama dalam ranking universiti terbaik di Arab Saudi.

(f) *Universiti Oxford, England*

Raja Henry II mengarahkan semua pelajar England yang melanjutkan pelajaran di Perancis untuk kembali atas masalah politik. Peristiwa ini mendorong penubuhan Universiti Oxford yang mana para pelajar yang pulang mencari tempat belajar untuk menyambung pengajian mereka.

Universiti Oxford merupakan salah satu universiti swasta yang terkenal kerana mampu mengumpul jumlah dana endowmen yang besar. Jumlah aset endowmen adalah sebanyak 1.2 billion dollar (Oxford, 2015). Pelbagai usaha bagi mengumpulkan dana telah dilakukan seperti kempen pengumpulan dana.

Terdapat dua bentuk wakaf yang digunakan di institusi ini iaitu wakaf kekal, iaitu dana yang diperoleh tidak boleh digunakan atau dibelanjakan. Bentuk kedua ialah wakaf yang dibelanjakan bagi menfaat bersama. Dana endowmen kekal kebanyakannya dilaburkan dalam *Oxford Endowment Fund* (OEF). Dana endowmen ini digunakan bagi aktiviti pengajaran dan penyelidikan universiti seperti biasiswa, kos inventori, gaji-gaji kakitangan universiti serta hadiah-hadiah akademik (Oxford, 2015).

(g) *Universiti Yale, Amerika Syarikat*

Universiti Yale ditubuhkan pada tahun 1701 dan merupakan sebuah universiti swasta. Institusi ini juga merupakan universiti ketiga tertua di Amerika Syarikat. Universiti ini merupakan salah satu universiti yang mempunyai pengurusan endowmen yang sangat cekap dan mempunyai strategi yang baik. Bagi mengimbangi keperluan semasa dan masa depan, Universiti Yale menggunakan dasar pelaburan dan perbelanjaan yang direka untuk mengekalkan nilai aset endowmen sambil menyediakan aliran pendapatan yang besar kepada belanjawan operasi.

Pada 30 Jun 2018, aset bersih dalam endowmen berjumlah kira-kira 29.4 bilion dollar. Jenis pelaburan yang digunakan ialah pelaburan dalam ekuiti persendirian, saham asing dan harta tanah. Pelaburan jenis ini adalah bersifat tidak cair dan mengenakan yuran pelaburan yang tinggi. Walau bagaimanapun, pelaburan jenis ini menjanjikan pulangan dana yang lebih tinggi walaupun sukar untuk dijangka (Schrager, 2018).

Dana endowmen ini juga menampung 34% daripada kos operasi universiti. Hasil dana yang terkumpul digunakan bagi bayaran kerja kakitangan, biasiswa, hadiah, penyelenggaraan, buku dan lain-lain. Pewakaf terdiri daripada individu iaitu alumni, ibubapa pelajar, orang awam, syarikat dan yayasan (Yale University Financial Report 2017-2018, 2017).

(h) *Universiti Harvard, Amerika Syarikat*

Nama universiti ini diambil bersempena nama penaja pertama institusi ini iaitu John Harvard. Beliau telah menyumbangkan separuh daripada asetnya serta perpustakaan kepada institusi ini selepas kematian beliau. Pada tahun 2018, pihak pengurusan dana universiti berjaya mengutip dana sebanyak 38.3 billion USD (Harvard International Office, 2010).

Pengurusan kewangan diuruskan oleh *Harvard Management Company*. Pendekatan yang digunakan oleh pihak pengurusan Harvard bagi mengembangkan lagi pelaburan mereka ialah dengan menggunakan tiga elemen teras iaitu, dasar portfolio di mana ia merupakan pelaburan pulangan

jangka panjang bagi aset wakaf Harvard. Elemen kedua ialah pelaburan model hybrid yang merupakan satu platform di mana mereka melakukan perdagangan (trading platform). Akhir sekali, pengurusan risiko iaitu bagi mengendalikan proses pelaburan yang dilaksanakan oleh Harvard. (Nur Azira binti Latif, 2015). Penyumbang bagi endowmen ini terdiri daripada alumni, syarikat korporat serta badan-badan bukan kerajaan.

(i) *Universiti Cambridge, United Kingdom*

Universiti Cambridge adalah salah satu universiti berprestij dan merupakan universiti keempat tertua di dunia. Universiti ini ditubuhkan pada tahun 1209 oleh para cendekiawan yang berpindah daripada Oxford ke Cambridge.

Pejabat pelaburan telah ditubuhkan dimana organisasi ini menguruskan dana endowmen dengan bimbingan dan nasihat Lembaga Pelaburan. Ia bertujuan untuk memaksimumkan jumlah pelaburan dalam pendedahan risiko yang boleh diterima bagi memberi sokongan kewangan kepada aktiviti pengajian dan penyelidikan yang dibiayai oleh penderma (Investment Office, 2017). Pada tahun 2018, mereka berjaya memperoleh sebanyak 12.2 billion pound sterling.

*Cambridge University Endowment Fund* (CUEF) telah ditubuhkan sebagai salah satu instrumen untuk meningkatkan jumlah dana universiti. CUEF adalah satu unit dana yang terdiri daripada pelbagai jenis aset termasuklah equiti dan pelaburan harta tanah. Pelabur akan membeli unit dana bergantung kepada dana yang ada. Unit ini akan dinilai pada tarikh pembelian (Investment Office, 2017). Pelaburan ini akan memberi manfaat kepada kewangan universiti serta pelabur. Bagi menarik pelabur, pihak universiti membuat penghebahan penyaluran dana melalui laman sesawang universiti.

(j) *Universiti Sabanci, Turki*

Universiti Sabanci merupakan salah satu institusi yang dibangunkan di bawah Sabanci Vakif. Universiti ini mula beroperasi pada 20 Oktober 1999. Sabanci Scholarship ditubuhkan bagi membantu para pelajar melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Seramai 30% daripada pelajar sarjana muda menerima biasiswa dimana jumlah keseluruhan pelajar sarjana muda ialah seramai 3,692 orang. Pelajar-pelajar yang menerima biasiswa ini akan dikecualikan untuk membayar dua pertiga daripada jumlah yuran. Mereka juga menyediakan bantuan kewangan dan skim pelajar bekerja. Skim ini telah disalurkan kepada 1,963 pelajar. Sejak tahun 1974, 41,000 pelajar telah mendapat manfaat daripada biasiswa ini (Sabanci University, 2017).

Bagi memperoleh dana yang mencukupi, para staf, alumni serta pelajar Universiti Sabanci, iaitu seramai 201 peserta telah menyertai pelbagai aktiviti pengumpulan dana dimana mereka berjaya menyumbang 448,399 TL (RM 108,062) kepada tabung biasiswa Universiti Sabanci dalam bulan yang pertama pada tahun 2011 (Tarihl, 2011).

### **3. Metodologi Kajian**

Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, iaitu kajian yang cenderung kepada kaedah pengumpulan data melalui temu bual dan kajian *content analysis* hasil daripada artikel dan sumber kajian terdahulu.

#### **3.1 Kaedah Pengumpulan Data**

(a) *Kaedah Kepustakaan*

Kaedah kepustakaan ialah pengumpulan data melalui bahan-bahan bacaan. Bagi mencapai objektif pertama iaitu mengkaji model terbaik universiti luar negara yang dibangunkan berasas sistem wakaf, kaedah ini telah digunakan bagi pengumpulan data.

Sumber ini terdiri daripada sorotan kajian lepas daripada penyelidik terdahulu, buku-buku rujukan, laman sesawang, buku panduan dan kertas seminar.

*(b) Kaedah Temu Bual*

Bagi kajian ini, instrumen temu bual telah dijalankan bagi mencapai objektif bagi kajian kedua iaitu mengkaji mekanisme wakaf Universiti College Bestari sebagai model universiti wakaf pertama di Malaysia. Temu bual telah dijalankan ke atas pihak pengurusan Universiti College Bestari iaitu Prof Dr. Abd Aziz Yusof yang juga merupakan Naib Canselor bagi institusi pengajian itu serta Encik Amerruddin Shah Suboh yang merupakan pegawai tadbir di UCB.

*(c) Kaedah Analisis Data*

Memandangkan kajian yang dilakukan ini berbentuk kualitatif, analisis kandungan telah digunakan. Bagi objektif pertama, maklumat yang diperolehi daripada kaedah pustaka telah dianalisis menggunakan analisis kandungan (Content Analysis). Begitu juga bagi mencapai objektif kedua, analisis kandungan telah dijalankan dalam menganalisis temu bual yang telah berlangsung. Analisis kandungan adalah satu bentuk analisis terhadap bahan-bahan media cetak seperti jurnal, buku, laporan bertulis, artikel, dan surat khabar serta bahan digital seperti e-book.

**4. Keputusan dan Analisis**

**4.1 Analisis Penandaarasan Universiti-Universiti Wakaf di Luar Negara**

Analisis kekuatan dan strategi bagi universiti-universiti luar negara diringkaskan di dalam jadual di bawah:

**Jadual 1: Kekuatan dan strategi yang digunakan oleh universiti-universiti luar negara**

<b>Institusi</b>	<b>Kekuatan dan Strategi</b>
Universiti Al-Azhar, Mesir	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sokongan padu daripada pewakaf yang terdiri daripada pemimpin, ulama, hartawan serta masyarakat.</li> <li>2. Strategi pengurusan dana yang baik ialah wakaf tunai yang diterima telah dilaburkan untuk membina gudang penyimpanan di Terusan Suez.</li> </ol>
Universiti Al-Qarawiyyin, Fes Morocco	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sokongan dan dana yang besar daripada pewakaf yang terdiri daripada individu dan pemimpin.</li> <li>2. Sistem kewangan universiti berasaskan dua cara iaitu pertama, individu dan sukarela, yang biasanya didorong oleh faktor agama. Kedua ialah pembiayaan berasaskan negeri yang diawasi oleh khalifah atau menteri-menteri.</li> </ol>
Universiti King Saud (KSU), Arab Saudi	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pengurusan institusi secara langsung daripada pemerintah</li> <li>2. Institusi ini menjana kewangan melalui pelaburan</li> <li>3. Menubuhkan organisasi bagi mengukuhkan kewangan yang dikenali sebagai KSU Endowmen</li> </ol>
Universiti King Abdul Aziz (KAU), Arab Saudi	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Penjana kewangan melalui pelaburan</li> <li>2. Mempunyai organisasi wakaf moden yang dikenali sebagai KAU Endowmen</li> </ol>
Universiti Islam Indonesia, Indonesia	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kepelbagaian perniagaan yang dijalankan bagi meningkatkan dana iaitu hospital, hotel, stesen minyak, radio dan institusi kewangan.</li> <li>2. Mendekati golongan yang mempunyai potensi untuk berwakaf.</li> </ol>



Universiti Oxford, England	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mempunyai dua bentuk endowmen iaitu dana yang boleh dibelanjakan dan dana kekal.</li> <li>2. Instrumen pelaburan dikenali sebagai sebagai Dana Endowmen Oxford (OEF).</li> <li>3. Menggubal polisi pelaburan dan strategi peruntukan asset.</li> </ol>
Universiti Yale, Amerika Syarikat	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Institusi ini menggunakan dasar pelaburan bagi mengekalkan nilai aset endowmen.</li> <li>2. Sistem pengurusan yang cekap</li> <li>3. Strategi yang baik.</li> </ol>
Universiti Harvard, Amerika Syarikat	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pelaburan diuruskan oleh pakar-pakar profesional dari syarikat yang dikenali sebagai Harvard Management Company.</li> <li>2. Tiga elemen teras dalam pelaburan digunakan iaitu dasar portfolio, pelaburan model <i>hybrid</i> dan pengurusan risiko.</li> </ol>
Universiti Cambridge, United Kingdom	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Strategi pemasaran yang baik.</li> <li>2. Pejabat pelaburan ditubuhkan bagi menguruskan endowmen</li> </ol>
Universiti Sabanci, Turki	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Dinaungi oleh Sabanci Faoundation.</li> <li>2. Aktiviti pengumpulan dana dilakukan dengan giat.</li> </ol>

#### 4.2 Pelaksanaan Wakaf Universiti College Bestari

University College Bestari (UCB) merupakan salah sebuah institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) pertama yang berusaha memartabatkan anak-anak Melayu miskin, golongan PPRT (Program Pembangunan Rakyat Miskin) dan anak yatim seluruh Malaysia yang tidak berkemampuan untuk mendapat peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Pewakaf di UCB terdiri daripada individu, komuniti dan institusi. Dalam penjanaan dana, pihak pentadbiran menggunakan wakaf tunai dan wakaf bukan tunai. Terdapat dua cara bagi pewakaf untuk membuat sumbangan wakaf iaitu sumbangan terus atau langsung kepada PEYATIM. Selain itu, terdapat tiga institusi perbankan yang menjalankan kerjasama dengan UCB, iaitu Bank Simpanan Nasional (BSN), Bank Islam dan Bank Rakyat. Bank-bank ini menjadi medium untuk pewakaf menyalurkan sumbangan bagi memudahkan masyarakat untuk berwakaf.

##### (a) Pengurusan Kewangan dan Wakaf

Pentadbiran UCB dikawal oleh tiga organisasi iaitu YAWATIM, MAIDAM dan Penasihat Syariah. Berdasarkan temu bual yang dijalankan, jumlah kutipan dana terkumpul bagi tahun 2018 sehingga 24 Oktober 2019 adalah sebanyak RM62,460. Dana ini kemudian diagihkan bagi pembangunan yang terbahagi kepada dua iaitu pembangunan fizikal dan pembangunan pelajar.

Bagi konteks pembangunan pelajar, pihak UCB menyediakan biasiswa kepada pelajar, membiayai wang pendahuluan kos sara diri pelajar, membiayai kos tempat tinggal asrama serta memberi bantuan kewangan bagi pelajar yang berkelainan upaya. Keselesaan pelajar amat dititikberatkan dalam pentadbiran UCB. Penambahbaikan berterusan dijalankan seperti menambah kelengkapan bilik kuliah, makmal, dapur, perpustakaan dan peralatan pejabat.

Pengkaji telah mengenal pasti jenis wakaf yang digunakan iaitu penjualan wakaf kaki. UC Bestari memiliki aset tanah seluas 320 ekar. Dengan adanya aset ini, institusi ini telah menggunakan model wakaf kaki dimana masyarakat boleh membeli tanah ini dan mewakafkannya bagi kegunaan UCB.

Lot-lot tanah dijual dengan harga RM30 bagi satu lot. Selain wakaf kaki, beberapa strategi yang telah digunakan seperti membangunkan aset tanah yang telah diwakafkan dengan menjalankan aktiviti pertanian dan penternakan atau dikenali sebagai kawasan Trigona. Hasil daripada aktiviti ini akan dijual seperti madu kelulut, nenas dan kelapa sawit. Di samping itu, instrumen pelaburan turut digunakan. Wang terkumpul dari dana dilaburkan dengan membeli tanah. UCB juga membina

bangunan komersial atas tanah itu dan dapat menjana pendapatan melalui sewa. UCB turut menawarkan kursus seni kuliner pada peringkat diploma. Dalam melatih para pelajar, institusi ini telah membuka sebuah restoran. Hasil dari perniagaan ini juga menjadi sumber kepada dana wakaf.

Bagi garis panduan dan prosedur operasi standard (SOP) untuk pentadbiran wakaf, tiada model ikutan khas untuk diikuti bagi institusi pengajian tinggi swasta dan kebiasaannya ia dibuat berdasarkan pengalaman sendiri.

Bagi menjadi sebuah universiti wakaf yang berjaya, pihak UCB telah meletakkan beberapa sasaran. Antaranya ialah membuka lebih banyak cawangan atau hub pendidikan serta mempunyai sistem wakaf yang canggih. Pihak pentadbiran juga sedar akan kekurangan pengetahuan masyarakat mengenai wakaf. Oleh itu, UCB menganjurkan lebih banyak program mengenai pendidikan wakaf.

Dalam mencapai matlamat yang telah dibentuk, beberapa cabaran terpaksa ditempuhi oleh universiti ini. Pertama, kekurangan tenaga pakar dalam bidang wakaf. Kedua, perkara yang menjadi isu dan dibincangkan dari awal penyelidikan lagi iaitu perihal kesedaran masyarakat. Dari aspek dana pula, universiti ini tidak mempunyai dana khas serta kesukaran pihak UCB dalam mendapatkan bantuan dari pihak kerajaan.

#### *(b) Analisis Perbandingan antara Objektif Pertama Kajian dan Objektif Kedua Kajian*

Berdasarkan analisis perbandingan yang dijalankan, pengkaji telah menemui perbandingan antara universiti luar negara dan Universiti College Bestari. Dari segi sumber wakaf, kebanyakan pewakaf dari universiti luar negara mendapat sokongan kewangan daripada kerajaan mahupun pemerintah berbanding UCB yang sukar untuk mendapatkan bantuan daripada pihak kerajaan.

Wakaf yang diaplikasikan oleh UCB dan semua universiti yang dikaji ialah wakaf khas. Berdasarkan analisis yang dilakukan sebanyak enam (6) buah universiti telah menggunakan kedua-dua jenis wakaf iaitu wakaf tunai dan wakaf bukan tunai. Dari segi pengagihan dana, kebanyakan universiti luar negara menggunakan dana bagi tujuan biasiswa dan pembangunan tapak universiti. Cara pengagihan ini juga dilakukan oleh UCB.

Akhir sekali, aspek strategi yang digunakan. Melalui analisis yang dilakukan, instrumen pelaburan adalah kaedah yang paling berkesan bagi meningkatkan kewangan institusi. UCB juga menjalankan pelaburan dengan membeli tanah bagi menjalankan perniagaan dan membina bangunan komersial.

## **5. Perbincangan**

### **5.1 Mengkaji model terbaik universiti luar negara yang dibangunkan berasaskan system wakaf**

Kekuatan dan strategi yang dijalankan oleh setiap universiti wakaf di luar negara telah dianalisis dan dikaji. Pengkaji telah menyimpulkan beberapa perkara. Pertama sokongan dari pemerintah atau kerajaan memberikan impak yang besar kepada sesebuah institusi. Di Malaysia, bagi hal berkaitan wakaf, biasanya diuruskan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN).

Kedua ialah kesedaran dan sokongan masyarakat untuk berwakaf dalam pendidikan. Ketiga ialah strategi yang digunakan agar sentiasa mempunyai aliran tunai masuk. Setiap universiti mempunyai cara mereka yang tersendiri. Namun begitu, lapan dari sepuluh universiti wakaf ini menggunakan kaedah pelaburan bagi penjana dana. Ini membuktikan bahawa instrumen pelaburan merupakan cara terbaik dalam meningkatkan aliran tunai secara berterusan.

Keempat ialah cara pengagihan dan pengurusan wakaf. Setiap institusi perlu mempunyai sistem pengurusan yang baik. Berdasarkan analisis yang dijalankan, model yang dijalankan oleh kebanyakan universiti wakaf luar negara ialah pelaburan wakaf.

## 5.2 Mengkaji mekanisme wakaf Universiti College Bestari sebagai Model Universiti Wakaf Pertama di Malaysia

Berdasarkan analisis yang dijalankan ke atas Universiti College Bestari, model wakaf utama yang digunakan ialah penjualan wakaf kaki. Selain itu, institusi ini membangunkan dan memanfaatkan aset tanah yang sedia ada bagi aktiviti pertanian dan penternakan. Sebagai contoh, penanaman kelapa sawit dan nenas. Bagi penternakan pula, pembiakan kelulut dijalankan bagi mendapat hasil madu kelulut. Aktiviti perikanan turut dilakukan.

UCB juga menjalankan pelaburan, mereka membeli tanah dan membangunkan tanah komersial di atasnya. Dengan ini hasil sewa dapat dikutip. Ini memperlihatkan bahawa UCB mengetahui strategi paling penting bagi menjana pendapatan. Namun begitu, kutipan dana masih kecil disebabkan kutipan dan aktiviti dilakukan pada skala kecil. Ini bermaksud, perniagaan adalah berskala kecil hanya dijalankan di sekitar kawasan UCB ataupun hanya di bandar Setiu.

Berdasarkan hasil analisis, terdapat beberapa persamaan di antara universiti luar negara dan universiti dalam negara. Pertama, semua universiti yang dikaji menggunakan wakaf khas. Kedua, dari segi pewakaf. Pewakaf terdiri kepada beberapa golongan, namun kebanyakannya adalah pemimpin, masyarakat dan individu. Namun begitu, UCB mendapat sokongan yang rendah daripada kerajaan.

## 6. Kesimpulan

Hasil kajian menunjukkan model wakaf terbaik digunakan oleh universiti luar negara ialah melalui pelaburan wakaf ke atas aset-aset strategik bagi menjana pendapatan. Dalam tempoh jangka panjang jumlah dana wakaf terkumpul akan meningkat dan jika dilaburkan semula sudah tentu akan memberi pulangan yang tinggi dan berpanjangan. Bagi Universiti *College Bestari* pula, model utama yang digunakan ialah penjualan wakaf kaki di samping aktiviti pertanian, penternakan dan perniagaan. UCB juga menggunakan instrumen pelaburan wakaf. Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa bagi meningkatkan dana wakaf pendidikan, dana terkumpul hendaklah dilabur semula ke atas aset tetap seperti harta tanah komersial di kawasan strategik bagi memastikan peningkatan nilai dan juga aliran nilai sewa yang berterusan. Pendapatan daripada aliran sewa ini amat penting bagi membolehkan agihan dibuat kepada mauquf alaih.

## Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Jabatan Pengurusan Harta Tanah, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia kerana menyokong kajian ini.

## Rujukan

- Ab Rahman, A. (2009). Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia. *Shariah Journal*, 17(1), 113–152.
- Ali, M. D, & Muhamad, B. I. N. (2013). Sejarah Universiti Al-Azhar sebagai Model Institusi, 1–8.
- Al-Sirjaniry, Raghil (2011) terj., Sumbangan Peradaban Islam pada Dunia. Jakarta: Pustaka Al-Kautsar.
- Baharuddin Sayin, "Hala Tuju Waqaf Tunai," dlm. *Isu-isu Semasa Mengenai Waqaf*, (Shah Alam: Penerbit UiTM, 2011), 55.

- Dwyer, Philip, *Napoleon The Path To Power 1769-1799*, ISBN 978-0-300-13754-5, (Yale University Press, 2008), 404.
- Harvard International Office. (2010). Retrieved May 4, 2019, from <http://hio.harvard.edu/statistics>
- Investment Office. (2017). Retrieved May 4, 2019, from <https://www.investment.admin.cam.ac.uk/>
- King Abdulaziz University. (2015). Retrieved May 9, 2019, from <https://www.timeshighereducation.com/hub/king-abdulaziz-university/p/key-facts>
- King AbdulAziz University History. (2019). Retrieved from <https://www.kau.edu.sa/Pages-Our-History.aspx>
- King Saud University. (2012). Retrieved April 30, 2019, from <https://ksu.edu.sa/en/about-ksu>
- Mahamood, S. M., & Ab Rahman, A. (2015). Financing universities through waqf, pious endowment: is it possible? *Humanomics*, 31(4), 430–453. <https://doi.org/10.1108/H-02-2015-0010>
- Mahamood, Siti Mashitoh, A. R., Asmak, C. S., & Azizi. (2018). Pembentukan institusi pengajian tinggi berteraskan wakaf di Malaysia: Cadangan model pelaksanaannya. *Jurnal Syariah*, 26(1), 1–22.
- Mohd Hairudin Amin dan Kamarul Azmi Jasmi, *Sekolah Agama di Malaysia Sejarah, Isu dan Cabaran*, (Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2012), 18-19.
- Nur Azira binti Latif. (2015). *Perlaksanaan Wakaf sebagai Modal Pendidikan di Malaysia*. Pusat Pengajian Ekonomi, *Fakulti Ekonomi Dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi*, 151, 10–17. <https://doi.org/10.1145/3132847.3132886>
- Osman Sabran, *Pengurusan Harta Wakaf* (Skudai: Penerbit UTM, 2002), 106.
- Oxford, U. of. (2015). About trust funds, *University Administration and Services*. Retrieved May 9, 2019, from <https://www.admin.ox.ac.uk/finance/trusts/about/>
- Oxford, U. of. (2019). Financial management of trust funds, *University Administration and Services*. Retrieved May 9, 2019, from <https://www.admin.ox.ac.uk/finance/trusts/finance/#d.en.130853>
- Ramli, A. H., Ismail, C. Z., Sulaiman, K., Penerbitan, P., Mara, U. T., & Selangor, S. A. (2016). *Sistem Wakaf di Universiti Al-Azhar*, (2008), 1–12.
- Sabancı University. (2017). Retrieved May 5, 2019, from <http://www.sabancivakfi.org/en/institutions/sabanci-university>
- Sari, M. D., Yusof, A. A., & Ahmad Shukor, A. S. A. (2016). Pembangunan Wakaf Pendidikan di University College Bestari , Terengganu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 1(4), 1–17.
- Schrager, A. (2018). The secret behind the Ivy League’s high endowment returns — Quartz. Retrieved May 9, 2019, from <https://qz.com/1410591/the-secret-behind-the-ivy-leagues-high-endowment-returns/>
- Souad, M., Ramdane, T., & Khan, M. S. (2017). Fātimah Al- Fihri and Religious Fraternity in Al-Qarawiyy in University : A Case Study, 7(10), 177–183.
- Syakir, M., Taib, M., Mujani, W. K., Rozali, E. A., & Khalid, K. A. (2017). Perkembangan Wakaf Pendidikan Tinggi di Malaysia Development of Waqf Higher Education in Malaysia pendidikan dan membentuk dana berterusan tanpa terlalu bergantung kepada dana yang ianya telah lama diimplimentasikan oleh beberapa negara Islam dan Barat ., 9(1), 82–92.
- Université Al Quarauiyine. (2019). Retrieved May 5, 2019, from <https://www.4icu.org/reviews/10719.htm>
- Universitas Islam Indonesia. (2018). Retrieved December 20, 2019, from <https://www.uui.ac.id/profil/sejarah/>
- Yale University Financial Report 2017-2018. (2017). Retrieved from <https://your.yale.edu/sites/default/files/yale-university-financial-report-2017-2018.pdf>